



**IBU PEJABAT MARITIM NEGERI PAHANG  
AGensi PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI  
BLOK A WISMA BELIA  
BANDAR INDERA MAHKOTA  
25200 KUANTAN  
PAHANG**



Tel : 09-5717345  
Faks : 09-5738476  
Web : [www.mmea.gov.my](http://www.mmea.gov.my)

---

Tarikh: 21 Jan 2021

## **SIARAN MEDIA**

### **MARITIM NEGERI PAHANG PATAHKAN CUBAAN EDAR DADAH BERNILAI RM160 RIBU**

**KUANTAN, 21 Januari** – Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Negeri Pahang telah berjaya menggagalkan cubaan mengedarkan dan merampas dadah dipercayai jenis Methamphetamine beranggaran lebih kurang RM160,000 dalam satu operasi khas di sekitar perairan Teluk Gading Endau, pada jam 11.30 malam tadi.

Pengarah Maritim Negeri Pahang, Laksamana Pertama Maritim Datuk Hj Amran bin Hj Daud berkata, hasil koordinasi dan perkongsian maklumat risikan bersama Maritim Negeri Johor telah membawa kepada penahanan sebuah bot fiber tanpa nombor pendaftaran yang sedang bergerak dalam keadaan mencurigakan menuju ke Pulau Tioman di kedudukan kira-kira 1.0 batu nautika muara Sungai Endau, semalam.

Sebaik sahaja menyedari kehadiran aset maritim, suspek bertindak memadam lampu bot supaya tidak dapat dikesan oleh pihak berkuasa. Walau bagaimana pun suspek berjaya meloloskan diri ke daratan berhampiran dengan meninggalkan bot fiber tersebut di tepi tebing.

Hasil pemeriksaan lanjut Bot fiber berukuran lebih kurang 5 meter tersebut telah ditinggalkan dan terdapat satu tong putih yang mengandungi 2 bungkus plastik lutsinar dan 2 bungkus plastik teh cina disyaki berisi dadah jenis Syabu (*Methamphetamine*) dianggarkan seberat 4 kilogram.

Nilai keseluruhan rampasan termasuk dadah, bot fiber dan sebuah enjin sangkut 30 kuasa kuda dianggarkan bernilai RM 182 ribu. Bot serta kesemua barang rampasan tersebut telah dibawa ke Jeti Pos Maritim Tanjung Gemok untuk disiasat di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952.

Dadah tersebut dipercayai untuk diedarkan ke pasaran tempatan di sekitar Pulau Tioman. Sindiket ini dipercayai bergiat aktif melakukan aktiviti pengedaran dadah menggunakan jalan laut, meskipun terpaksa mengharungi cuaca buruk dalam musim tengkujuh dan mengambil masa yang lama untuk ke Pulau Tioman dan sekitarnya berikutan permintaan yang tinggi.

Ini merupakan tangkapan pertama melibatkan kes di bawah Akta Dadah Berbahaya bagi Maritim Negeri Pahang tahun ini.

Maritim Negeri Pahang akan terus mempergiatkan lagi tugas pemantauan, rondaan dan penguatkuasaan di laut dari semasa ke semasa bagi memastikan sebarang kesalahan dan pelanggaran undang-undang dapat dibanteras agar perairan Pahang sentiasa selamat, aman dan terkawal.

Sebarang aduan dan maklumat boleh disalurkan ke Pusat Operasi Maritim Negeri Pahang di talian 09-5717345 atau melalui talian bantuan kecemasan MERS 999.

**-TAMAT-**

---

Dikeluarkan oleh :  
Unit Komunikasi Koporat  
Ibu Pejabat Maritim Negeri Pahang

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:  
Lt Madya Maritim Mohd Azlee Bin Zainal

Tel : 017-6067060  
Emel : [mohdazlee@mmea.gov.my](mailto:mohdazlee@mmea.gov.my)